



Taraf Bahasa Melayu Diperkukuh Menerusi Media Massa

Pengamal media yang bertanggungjawab memahami peranan utama media massa. Ahli komunikasi bersetuju bahawa terdapat empat peranan media massa, iaitu sebagai pemerhati, penghubung, pentafsir dan penghibur. Bagi menjayakan peranan sebagai penghubung, media perlu sentiasa menyajikan kandungan yang memaparkan keindahan bahasa Melayu sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu.

Langkah indah jika dalam setiap media massa tempatan terselit unsur keindahan bahasa seperti yang digambarkan dalam pantun tadi. Keindahan bahasa kebangsaan yang terpancar menerusi penggunaannya yang betul pasti akan menjadi ikutan dalam kalangan masyarakat. Masyarakat yang sering didedahkan dengan keindahan bahasa tentunya tersemat kukuh dalam jiwanya rasa gah dan cinta terhadap bahasa tersebut. Isunya kini ada pihak seakan-akan terlupa akan taraf dan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu yang sekian lama termaktub dalam perlembagaan dan akta. Lantaran itu, ada pihak yang berjuang untuk mengangkat bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam komunikasi massa dalam masyarakat. Usaha ini mencapai

kemuncaknya apabila tiba suatu tahap yang memerlukan bahasa Inggeris cuba dijadikan bahasa pengantar bagi beberapa mata pelajaran di sekolah. Tindakan ini secara jelas menafikan taraf bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu yang diberikan kepada bahasa Melayu. Sejauh manakah media massa selama ini memainkan peranan dalam usaha memperkukuh bahasa Melayu pada kedudukannya yang sebenarnya?

Dalam konteks bahasa, proses pengukuhan boleh dijayakan menerusi penggunaannya secara tepat dan tersusun berdasarkan peraturan bahasa yang sistematik. Menurut Datuk Dr. Awang Sariyan, pengukuhan bahasa Melayu hanya berlaku apabila bahasa Melayu mampu berfungsi seperti tarafnya yang sepatutnya. Pada pandangan beliau, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu perlu diletakkan pada kedudukan yang setara dengan peranan yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya. Hal ini penting kerana kedudukan bahasa Melayu hanya akan dipandang tinggi apabila semua pihak dapat menerima tarat sebenar bahasa Melayu di negara ini.

Oleh itu, media massa yang sejak dari dahulu berfungsi sebagai saluran dan sumber maklumat orang ramai berperanan besar dalam mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu. Jika diimbas kembali zaman sebelum merdeka, ternyata media massa telah digunakan sebagai alat utama untuk membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat. Media massa digunakan sebagai saluran utama untuk menupikan pelbagai ideologi ke arah penentangan terhadap penjajah yang membawa

kepada kemerdekaan. Hasilnya, masyarakat pada ketika itu mula sedar dan berusaha untuk mengembalikan maruah diri dan mempertahankan kedaulatan negara. Perubahan yang berlaku ini merupakan sumbangan daripada keberkesanan media massa pada masa tersebut. Akhbar *Utusan Melayu* misalnya, telah menjadi penghubung yang berkesan antara golongan nasionalis dengan rakyat. Ruang utama yang terdapat dalam akhbar *Utusan Melayu* digunakan oleh golongan nasionalis untuk menyampaikan maklumat, berita dan kata-kata hikmah yang mampu membentuk jati diri masyarakat.

Mengapa media massa pada ketika itu berjaya mempengaruhi jiwa pembaca? Apakah kelebihan media massa pada era tersebut sehingga berjaya meniupkan semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan rakyat? Jawapannya adalah terletak pada cara penyampaiannya yang memanfaatkan tulisan berbahasa Melayu yang mudah difahami oleh golongan sasaran. Matlamat komunikasi untuk memahamkan penerima maklumat mampu ditangani melalui penggunaan bahasa Melayu yang betul, tepat dan mudah. Menurut Zamri Mohamad (2009) dalam bukunya bertajuk *Tips Menjadi Penulis* menjelaskan, salah satu cara untuk menghasilkan penulisan yang baik dan berkesan adalah dengan menggunakan bahasa yang menepati prinsip tatabahasa yang ditetapkan oleh bahasa tersebut. Penulisan berasaskan tatabahasa yang betul akan mengurangkan kesilapan struktur ayat yang dibentuk. Oleh itu, pengamal media yang bertanggungjawab perlu sentiasa mematuhi sistem istilah, tatabahasa, ejaan, sebutan dan laras bahasa yang betul. Pengamal media bertanggungjawab

Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menjadi tunjang utama kepada kedudukan bahasa Melayu di negara ini seharusnya dijadikan oleh pengamal media sebagai landasan dan asas yang kukuh untuk mengembangkan bahasa Melayu.

memahami peranan utama media massa. Ahli komunikasi bersetuju bahawa terdapat empat peranan media massa, iaitu sebagai pemerhati, penghubung, pentafsir dan penghibur. Bagi menjayakan peranan sebagai penghubung, media perlu sentiasa menyajikan kandungan yang memaparkan keindahan bahasa Melayu sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Untuk itu, setiap maklumat yang ingin disampaikan oleh pemerintah kepada rakyat sewajarnya disalurkan dengan menggunakan bahasa kebangsaan bagi memberikan kesedaran kepada rakyat tentang kepentingan dan kedudukan sebenar bahasa Melayu.

Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menjadi tunjang utama kepada kedudukan bahasa Melayu di negara ini seharusnya dijadikan oleh pengamal media sebagai landasan dan asas yang kukuh untuk mengembangkan bahasa



Melayu. Dasar Bahasa Kebangsaan merupakan salah satu dasar kerajaan yang dikaitkan dengan Perlembagaan Persekutuan. Dasar ini diwujudkan berasaskan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia yang merdeka. Selain itu, Dasar Pendidikan Kebangsaan pula berasaskan Akta Pendidikan (pada asalnya Akta Pelajaran 1961 dan kemudian Akta Pendidikan 1996) yang mewajibkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan sekolah di Malaysia. Dasar ini meliputi pendidikan pada peringkat sekolah rendah, menengah rendah, menengah atas dan pengajian tinggi dengan pengecualian bagi kursus-kursus tertentu. Kewujudan kedua-dua dasar ini sepatutnya tidak lagi membuka ruang untuk

pengamal media mengemukakan pelbagai alasan untuk tidak mengembangkan bahasa kebangsaan.

Teknologi maklumat dan komunikasi yang berkembang pesat kini telah membuka sempadan kepada bahasa luar untuk menyaingi bahasa Melayu sebagai bahasa utama di media massa. Perkembangan teknologi ini memungkinkan maklumat dari seluruh dunia yang menggunakan pelbagai bahasa menerobos masuk ke dalam kantong maklumat masyarakat. Dasar langit terbuka ini perlu ditangani sebaiknya oleh pengamal media. Meskipun tidak dinafikan kepentingan pelbagai sumber maklumat dari serata dunia, semua maklumat yang masuk ini perlu ditapis dan disesuaikan dengan keadaan masyarakat di Malaysia. Pengaruh dari luar ini bukan sahaja membawa budaya yang

kurang baik, malah memberikan kesan yang negatif terhadap perkembangan bahasa Melayu, terutamanya dari aspek peristilahan dan kosa kata. Kini terdapat banyak kosa kata bahasa Melayu yang disebut dan ditulis sesuka hati. Contohnya penggunaan "karok la kau," sebagai judul bagi sebuah rancangan televisyen di Astro. Pemilihan nama rancangan ini berdasarkan perkataan "karaoke". Penggunaan nama rancangan seumpama ini di media massa dikhuatiri akan menjadi ikutan kepada masyarakat. Oleh itu, media massa diharapkan dapat menggalas tanggungjawab ini bagi mengembalikan kesedaran masyarakat terhadap kedudukan sebenar bahasa Melayu di buminya sendiri. DB

Bahasa Kebangsaan Menongkah Gelombang Cabaran di Media Massa

Pada 21 Januari 2013, buku berjudul *Garis Panduan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Media Massa* yang disediakan oleh DBP dengan usaha sama Kementerian Penerangan dilancarkan bagi membantu pengamal media elektronik, cetak dan media baharu seperti laman web dan blog mendapatkan panduan tentang penggunaan bahasa Melayu yang betul dari segi diksi, tatabahasa, sebutan dan intonasi. Dengan kewujudan buku panduan yang bermakna ini, cabaran dalam memperkembangkan penggunaan bahasa Melayu yang betul, yang dihadapi selama ini oleh pengamal media bukan Melayu dapat difangani.

Media massa seperti televisyen merupakan saluran pendidikan kepada masyarakat. Istilah-istilah dan frasa-frasa baharu yang diketengahkan oleh media massa begitu cepat meresap ke dalam jiwa masyarakat dan diterima pakai oleh mereka dengan mudah terutamanya golongan remaja. Dalam meredah arus globalisasi, dunia semakin dibanjiri dengan pelbagai peralatan canggih dan teknologi moden yang dapat menjadi medan-medan terkini penyebaran informasi oleh para pengamal media. Ini termasuklah laman-laman sosial dan blog yang wujud sebagai dimensi baharu dalam kehidupan masyarakat yang sukar berenggang dengan internet.

Kesan imperialisme Barat yang diperhebat oleh globalisasi tidak semestinya akan memaksa masyarakat untuk menerima sebarang bentuk dominasi bahasa Inggeris. Pandangan ini disuarakan oleh Profesor Dr. Ding Choo Ming dalam rencananya yang berjudul, "Cabaran Memperkembangkan Bahasa Melayu dalam Era Teknologi Maklumat" menyatakan, "Cabaran kepada bahasa Melayu pada masa depan terletak pada sama ada kita boleh memperkembangkannya menjadi bahasa sumber ilmu, bahasa sumber ekonomi, bahasa sumber teknologi dan bahasa sumber pemodenan yang boleh

diharapkan untuk membuka gerbang ilmu, mencari mutiara maklumat, dan menaiki mahligai pendidikan yang lebih tinggi untuk dapat menikmati rasa pemodenan, sekaligus meningkatkan taraf hidup." Oleh itu, media massa sebagai saluran sumber ilmu yang penting kepada masyarakat perlu menggerakkan pelbagai jentera usaha ke arah menobatkan bahasa Melayu sebagai bahasa penyalur ilmu.

Dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa penyebar berita dan informasi, pihak stesen televisyen perlu memainkan peranan yang penting bagi mencapai objektif ini. Untuk itu, Kamal Shukri Abdullah Sani, penulis buku, "*Bahasa Melayu: Apa Sudah Jadi?*" mencadangkan antara langkah yang boleh dibuat adalah dengan menyediakan ulasan atau terjemahan dalam bahasa Melayu yang disampaikan serentak bagi berita dan wawancara yang tidak menggunakan bahasa Melayu. Sebelum ini pihak stesen televisyen hanya menyiarkan sari kata bahasa Melayu sebagai terjemahan atau ulasan berita atau wawancara tersebut untuk bacaan penonton. Beliau turut menyuarakan kebimbangan terhadap kemunculan Melingeris, iaitu sejenis aliran bahasa Melayu Kreol yang terhasil daripada campur aduk bahasa kebangsaan dengan bahasa Inggeris, yang jika diulang-ulang di media massa, lama-

Lambakan rancangan berbahasa Inggeris dari luar negara tidak membantutkan perkembangan bahasa Melayu sebaliknya mewujudkan pelbagai inisiatif baharu bagi memberikan ruang yang lebih luas kepada bahasa Melayu untuk terus berkembang dalam bidang penyiaran.

kekayaan akan menjadi ikutan terutamanya dalam kalangan kanak-kanak.

Kesungguhan pihak pengamal media untuk membudayakan suatu bentuk bahasa yang standard akhirnya berakur apabila sebutan bahasa baku tidak lagi diwajibkan penggunaannya di saluran televisyen. Teo Kok Seong dalam artikelnya yang berjudul, "Bahasa Melayu dalam Era Globalisasi: Isu Identiti" menyebut bahawa pengumuman yang dibuat pada Januari tahun 2000 tentang penghapusan sebutan baku bahasa Melayu dalam bidang penyiaran itu telah mencetuskan kontroversi. Polisi ini membantutkan kesungguhan penyampai berita, pengacara dan wartawan penyiaran untuk menggunakan bahasa Melayu baku apabila perkara ini tidak lagi dijadikan keutamaan oleh pihak penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan penyiaran.

Lambakan rancangan berbahasa Inggeris dari luar negara tidak membantutkan perkembangan bahasa Melayu sebaliknya mewujudkan pelbagai inisiatif baharu bagi memberikan ruang yang lebih luas kepada bahasa Melayu untuk terus berkembang dalam bidang penyiaran. Sebagai contoh, terdapat pilihan alih suara bahasa Melayu disediakan oleh saluran-saluran TV tertentu yang secara tidak langsung dapat membantu penonjolan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat. Astro sebagai pembekal saluran TV satelit telah mengambil inisiatif menyediakan Panduan Televisyen Pelbagai Bahasa Pertama Malaysia kepada para pelanggan saluran berdefinisi tingginya di seluruh negara bermula dari 24 Februari 2014 bagi membolehkan penonton membuat pilihan bahasa sama ada bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin

atau Tamil, yang sebelum ini didominasi oleh satu bahasa sahaja, iaitu bahasa Inggeris.

Selain itu, suatu usul telah disuarakan oleh Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim supaya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta organisasi yang berkaitan diberi kuasa untuk memantau dan mengambil tindakan terhadap para pengamal media yang tidak mengindahkan soal penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam penghasilan rancangan yang diterbitkan. Pada 21 Januari 2013, buku berjudul "Garis Panduan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Media Massa" yang disediakan oleh DBP dengan usaha sama Kementerian Penerangan dilancarkan bagi membantu pengamal media elektronik, cetak dan media baharu seperti laman web dan blog mendapatkan panduan tentang penggunaan bahasa Melayu yang betul dari segi diksi, tatabahasa, sebutan dan intonasi. Dengan kewujudan buku panduan yang bermakna ini, cabaran dalam memperkembangkan penggunaan bahasa Melayu yang betul, yang dihadapi selama ini oleh pengamal media bukan Melayu dapat ditangani. Diharapkan akan lahir lebih banyak lagi wartawan penyiaran bukan Melayu seperti Karam Singh Walia yang fasih berbahasa Melayu ketika menyampaikan laporan beritanya.

Noriah Mohamed yang menulis rencana, "Kesan Globalisasi terhadap Bahasa" pula berpandangan bahawa proses lokalisasi sedikit demi sedikit akan mengambil alih proses globalisasi. Beliau turut melihat secara positif kewujudan persaingan antara saluran televisyen yang kini berlumba-lumba untuk menggalakkan penerbitan versi bahasa Melayu bagi rancangan yang asalnya dihasilkan dalam

Dengan kewujudan buku panduan yang bermakna ini, cabaran dalam memperkembangkan penggunaan bahasa Melayu yang betul, yang dihadapi selama ini oleh pengamal media bukan Melayu dapat ditangani.

bahasa Inggeris. Fenomena ini begitu menyerlah terutamanya dalam penyediaan program kanak-kanak seperti kartun. Keperluan ini timbul atas kesedaran terhadap tahap penguasaan bahasa Inggeris golongan cilik yang terhad. Langkah murni ini perlu dipergiat oleh syarikat penyiaran kerana usaha ini dilihat dapat menggalakkan penerbitan produk berteraskan bahasa kebangsaan untuk sajian penonton tempatan.

Namun demikian, menurut Noriah Mohamed, penghasilan bahan dwibahasa untuk televisyen atau surat khabar menelan kos yang tinggi berbanding dengan internet yang memiliki sifat pelbagai media. Oleh itu, menghasilkan tapak jejaring dalam dua atau lebih bahasa, menurut beliau, lebih mudah dan murah. Media baharu yang semakin akrab dengan kehidupan manusia kini dengan adanya perkembangan teknologi seperti tablet dan telefon pintar perlu menjadi wadah pengembangan bahasa Melayu. Kewujudan portal seperti www.malaycivilization.com hasil inisiatif Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia misalnya, dapat membantu penyebaran bahan bacaan bahasa Melayu di



alam siber. Portal ini menjadi pusat rujukan sehati bagi maklumat dan penyelidikan alam Melayu.

Selain itu, lokalisasi turut berlaku terhadap perkataan asing yang tidak memiliki padanan sinonimnya dalam bahasa Melayu. Kewujudan pelbagai bentuk media baharu turut menyaksikan kemunculan kosa kata baharu bahasa Melayu khususnya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi seperti "aplikasi", "klik", "log masuk", "log keluar", "perisian", "muat naik", "muat turun", "laman jaringan", "akses", "emotikon" yang tergolong dalam kategori istilah teknikal. Dengan ini, bahasa Melayu berupaya menampung keperluan penggunaan dalam pelbagai sektor bagi memenuhi fungsinya sebagai bahasa moden yang mampu mengungkap pelbagai bidang ilmu sebagaimana yang disarankan oleh Teó Kok Seong.

Dewasa ini, fenomena lambakan judul filem tempatan yang menggunakan bahasa slanga atau dialek sesetengah kaum amat

membimbangkan. *Ngangkung*, *Kaki Kitai*, *Lu Langsi Lu Mati*, *Lu, Gua, Bro, Bro*, *Nampak Motor Gua?*, *Songlap*, *Longkai*, *Budak Pailang*, *Chikaro*, *Taiko*, *Hantu Kapcai*, *Sempit Sampai Mati* dan *Gangster Celop* merupakan antara tajuk filem hasil buah tangan pengarah Malaysia yang mendapat tempat dalam media tempatan. Paparan pihak media ini bukan sahaja mengelirukan masyarakat, tetapi turut memberikan persepsi negatif terhadap mutu bahasa Melayu. Selain judul filem, penggunaan bahasa slanga dan dialek asing yang melampau dalam dialog filem Melayu seperti *KL Gangster* dan *Abang Long Fadil* dikhuatiri akan menjadi ikutan masyarakat terutamanya generasi muda.

Keghairahan stesen radio memutarakan lagu-lagu yang cenderung mencampurkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam bait-bait liriknya turut menjatuhkan martabat bahasa Melayu sebagai suatu bahasa yang eksklusif, yang tidak seharusnya "digaui" dengan bahasa-bahasa lain secara sewenang-wenangnya. Perkara inilah yang dipaparkan menerusi lagu "Hak Eleh" oleh SonaOne, "Kalau Aku Kaya" oleh Awi Rafael dan Altimet dan "Havoc" oleh Joe Flizzow, Altimet dan SonaOne. Bukankah masih ada lagu yang ditulis indah dan tepat bahasa Melayunya sehingga mampu membuat pendengar terpesona dengan liriknya? Lagu-lagu berirama tradisional atau etnik kreatif ciptaan Datuk Suhaime Mohd. Zain atau lebih dikenali sebagai Pak Ngah banyak memiliki unsur-unsur bahasa Melayu figuratif, sekaligus mengangkat warisan kesusasteraan Melayu. Lagu-lagu seperti "Cindai", "Balqis", "Ya Maulai", "Hati Kama" dan "Nirmala" sarat dengan susunan kata yang kaya dengan ciri-ciri aliterasi dan



Dewasa ini, fenomena lambakan judul filem tempatan yang menggunakan bahasa slanga atau dialek sesetengah kaum amat membimbangkan.

asomansinya yang digubah indah. Media cetak juga memainkan peranan yang penting dalam usaha mengembangkan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat. Ruang sastera seperti cerpen, pantun dan puisi yang disediakan oleh media cetak seperti akhbar dan majalah untuk para pembaca berkarya sedikit banyak telah merangsang rasa cinta terhadap bahasa Melayu dan minat mereka untuk berkongsi serta mengasah bakat yang terpendam dalam penulisan kreatif. Menurut Abd. Aziz Abd. Talib, penulis buku, "Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik", bahasa sastera mampu berfungsi sebagai wadah pengajaran bahasa Melayu kerana bahan sastera seperti sajak, seloka dan gurindam serta syair melibatkan penggunaan bahasa Melayu secara baik dan terpilih. Bahasa Melayu sebagai tunjang

identiti bangsa Malaysia perlu dipelihara dan diperkukuh penggunaannya agar generasi akan datang dapat meneruskan legasi bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama di negara ini. Kelestarian bahasa Melayu banyak bergantung pada agen penyebar bahasa seperti media massa. Oleh hal yang demikian, para pengamal media berperanan besar dalam usaha menyemai rasa cinta terhadap bahasa Melayu agar jati diri rakyat negara ini tidak luput ditelan gelombang kemodenan yang dibawa oleh negara-negara maju yang rata-ratanya bukan negara penutur bahasa Melayu. Untuk mengejar gelombang kemajuan dari segi kebendaan ini, negara tidak seharusnya membiarkan bahasa kebangsaannya tenggelam diamuk badai globalisasi yang ganas. DB